

**TALKING POINTS**  
**MESYUARAT POST EXCO PENDIDIKAN NEGERI MELAKA**  
**9 JANUARI 2020, 2.30 PETANG**

**Salutasi**

- 1. Yang Berhormat Datuk Noor Effandi bin Ahmad  
Exco Pendidikan, Modal Insan, Sains dan Inovasi Negeri Melaka,**
- 2. Ketua-Ketua Jabatan dan ahli-ahli mesyuarat Post Exco Pendidikan,  
Modal Insan, Sains dan Inovasi Negeri Melaka,**
- 3. Hadirin dan Hadirat sekalian.**

1. Pertama sekali, bagi pihak tuan rumah, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Noor Affandi Ahmad, kerana sekali lagi sudi memilih UTeM sebagai lokasi mesyuarat kali pertama bagi tahun 2020 ini.
2. Dan rasanya, masih belum terlewat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2020 kepada YB dan semua ketua jabatan dan ahli mesyuarat. Semoga kehadiran tahun baharu 2020 ini akan memberi makna yang besar kepada kita semua serta memberi kita dorongan untuk terus berusaha bagi mencapai kejayaan yang diimpikan.
3. Pada tahun 2020 ini, genaplah usia penubuhan UTeM yang ke-20. Semestinya UTeM telah merancang pelbagai inisiatif dan pendekatan baru yang dapat melonjakkan lagi kecemerlangan akademik, penyelidikan, pembangunan siswa dan pelbagai bidang lagi di Universiti ini. Ini bagi memastikan UTeM, selaku institusi pendidikan tinggi TVET yang terpenting di negara ini terus diiktiraf dan menjadi

rujukan utama oleh pelbagai institusi dan agensi tempatan mahupun antarabangsa.

4. Walau bagaimanapun, bagi mencapai hasrat ini, UTeM memerlukan penglibatan, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, terutamanya dari semua agensi Kerajaan Negeri Melaka. Insya Allah, usaha murni bersama ini mampu merealisasikan aspirasi Universiti menerusi slogan iaitu UTeM adalah Melaka, Melaka adalah UTeM.
5. Selain itu, UTeM senantiasa terbuka dan mengalu-alukan semua pihak untuk melaksanakan segala bentuk kolaborasi bersama Universiti ini, bagi memastikan ekosistem akademia, industri dan masyarakat saling melengkapi antara satu sama lain
6. Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Berhormat Datuk Noor Effandi bin Ahmad dan ahli-ahli mesyuarat sekalian, yang tidak pernah jemu memberi sokongan dan kerjasama baik dalam segala aspek kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
7. Saya berharap agar ukhwah ini akan berkekalan dan terus berpanjangan.

Pergi menjerat di Tanjung Rokan,  
Bertali tangsi membuat kalung,  
Selamat bermesyuarat saya ucapkan,  
Menjana solusi pendidikan terulung.

8. Sekian, terima kasih.